

## **LEPAK DI KAFE SIBER**

Prof Madya Iran Herman  
Saadah Yahya  
Jabatan Psikologi dan Kaunseling  
Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia  
Universiti Utara Malaysia  
Tel: 04 – 9283860  
Fax: 04 9285754  
e-mail: iran @uum.edu.my

### **ABSTRAK**

Fenomena lepak pernah mengejutkan negara apabila ia didedahkan oleh gabungan penyelidik dari enam buah universiti tempatan pada tahun 1993. Tingkah laku lepak terus berlaku dan tidak nampak ia akan padam. Selepas lebih dari sepuluh tahun berlalu, kertas ini melaporkan hasil kajian mengenai lepak yang berlaku khusus di kafe siber. Tumpuan kajian ialah mengenalpasti profil remaja dan belia yang melepak, tingkah laku devian dan faktor yang berkait dengan lepak seperti aspek keluarga dan kekeluargaan, sikap, rakan sebaya, dan persekitaran. Seramai 102 orang responden ditemubual dan dipilih secara bertujuan bagi memenuhi kehendak kajian. Kajian menunjukkan apa yang ditemui oleh pengkaji-pengkaji masa lalu masih berterusan berlaku dan fenomena lepak nampaknya masih menjadi sebahagian daripada kehidupan remaja, bukan sahaja di kalangan mereka yang tidak berkerja, tetapi juga di kalangan pelajar sekolah, penuntut Institut Pengajian Tinggi dan mereka yang bekerja. Keluarga dan faktor kekeluargaan, sikap dan rakan sebaya mempunyai hubungan signifikan dengan tingkah laku lepak. Untuk menangani masalah lepak dan gejala yang mengekorinya, semua pihak daripada kerajaan dan agensinya hinggalah masyarakat umum, mereka mestlahi memainkan peranan untuk mencegah. Daripada pemantauan dan tindakan ke atas permis kafe siber, penyalahgunaan lesen yang diluluskan, perisian pada komputer dan internet hinggalah kepada ibu bapa, sekolah dan orang ramai, suatu tindakan untuk menanganinya perlu dibuat. Jika tidak, lepak akan terus menjadi budaya dan kehidupan sebahagian besar golongan muda negara ini yang kesannya cukup mahal untuk dibayar.

### **PENDAHULUAN**

Golongan remaja dikatakan sebagai aset negara yang amat berharga bagi meneruskan perjuangan dan warisan negara. Kepada merekalah terletak segala harapan dan pencatutan kita untuk meneruskan legasi kecemerlangan negara. Malangnya, terdapat banyak gejala dan masalah sosial yang berkait dengan mereka dipaparkan saban hari dan pastinya ia perlu ditangani dengan bijak melalui berbagai perspektif dan strategi berkesan.

Sekumpulan penyelidik dari universiti tempatan telah menjalankan kajian mengenai budaya lepak di kalangan belia ekoran daripada kajian yang dijalankan di Bandaraya Kuala Lumpur (Samsudin A. Rahim & Iran Herman 1993) dan hasilnya telah mendapat perhatian negara (Samsudin A. Rahim & Iran Herman 1994; Iran Herman, 1994; Ahmad Nurulazam & Mustapa Kassim, 1994; Yahaya Ibrahim, 1994). Fenomena ini dianggap serius dengan adanya beberapa tingkah laku negatif yang megikurinya seperti ponteng sekolah, gengsterism, penyalahgunaan dadah, HIV dan AIDS, tingkah laku devians dan deliquent, pengguna bahan lucuh dan hubungan seks sebelum kahwin, pembuangan bayi, bohsia, bohjan dan budaya

black metal (Iran Herman, 1993). Fenomena ini tidak henti-henti menjadi minat banyak pengkaji sehingga kini (Rafidah Md. Khamin, 2003) dan ia menjadi salah satu agenda sosial dan isu dibahaskan dalam banyak forum, seminar dan persidangan mengenai remaja dan belia. Hari ini fenomena ini bukan sahaja berlaku di tempat-tempat tumpuan ramai dan awam, tetapi juga di tempat-tempat yang tertutup seperti pusat-pusat hiburan, pusat permainan video dan kafe siber.

## **PERNYATAAN DAN TUJUAN KAJIAN**

Gejala lepak telah melanda remaja Barat seperti Britain dan Amerika Syarikat (Oldenberg & Brissett, 1980; Anthony, 1985; Dew, 1995; California, 2000) dan negara yang berhampiran dengan kita seperti Thailand (Surasak Tumcharoen, 2000). Pihak berkuasa Thai memandang serius fenomena ini kerana ia melibatkan golongan remaja yang masih di bawah umur dan sentiasa membuat pemantauan hasil laporan ibu bapa remaja dan ahli politik yang sentiasa memerhati kegiatan golongan ini. Polis telah menahan remaja di bawah umur yang melepak sambil merokok dan terlibat dengan minuman keras di pusat membeli belah seperti di Centre Point dan Siam Square di bandar Bangkok.

Isu lepak siber di kalangan remaja turut mendapat perhatian oleh pihak berkuasa California yang berusaha untuk mengurangkan keganasan yang berlaku di kafe siber. Sebilangan remaja yang mengunjungi kafe siber lebih berminat untuk bermain sejenis permainan yang dipanggil *counter strike* dan terlibat dengan pergaduhan dan pembunuhan akibat terpengaruh dengan aksi ganas yang ditonjolkan dalam permainan yang dilayari (California, 2000).

Di kafe siber, remaja boleh mendapat apa sahaja maklumat yang diingini melalui internet tanpa sebarang tapisan. Keadaan ini dapat dikaitkan dengan gejala *cyberbooze* di internet di kalangan remaja Amerika Syarikat yang suatu ketika dahulu dikenali sebagai *cyberporn*. Mereka boleh memesan ubat dan minuman keras melalui internet. Gejala seperti ini tidak mustahil akan tersebar melepasi sempadan dan merebak ke negara ini apabila tersiar berita seorang remaja wanita membeli pil mengawan jenis *spanish fly* untuk meningkatkan ketahanan menari yang ditempahinya melalui internet (Utusan Malaysia, 5 Februari 1998).

Pemangku Pengerusi Persatuan Pengguna Kedah telah mengenal pasti pengusaha kafe siber sengaja mewajibkan pelanggan menggunakan internet terutamanya yang melayari laman web, membeli sekurang-kurangnya satu minuman keras. Pelanggan yang mabuk bukan sahaja akan duduk lebih lama di pusat itu, mereka akan membeli lebih banyak minuman keras dan sekali gus ia mendatangkan keuntungan besar kepada pengusaha. Golongan remaja termasuk pelajar sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi merupakan sasaran pengusaha kafe siber (Harian Metro, 26 April 2000)

Terdapat juga pusat siber menyediakan pelbagai perkhidmatan yang bercanggah dengan undang-undang seperti perjudian antara pengguna seperti permainan *jack pot* yang membabitkan pertaruhan wang. Ia amat digemari oleh remaja dan ada yang sanggup mencuri wang untuk bermain judi selain melayari internet. Menurut Pemangku Pengerusi Persatuan Pengguna Kedah, ada di antara remaja yang ketagihan minuman keras dan disyaki mengandungi pil khayal.

Persoalannya, mengapa remaja lebih suka menghabiskan masa di pusat-pusat hiburan seperti pusat permainan video dan kafe siber? Apakah faktor yang menyebabkan mereka tertarik untuk berada di situ?, sedangkan keluarga boleh mempunyai sebuah komputer yang boleh dimanfaatkan oleh seluruh ahli keluarga untuk mencari maklumat di rumah. Persoalan inilah yang menjadi sebahagian daripada minat kajian ini selain daripada mengenal pasti kekerapan dan jangka masa melepak serta aktiviti yang dilakukan ketika melepak di kafe siber. Kajian ini menumpukan kepada profil demografi remaja yang melepak, tingkah laku

devian dan hubungan melepak dengan faktor kekeluargaan, sikap, rakan sebaya dan persekitaran.

## LIPUTAN LITERATURE

Tingkah laku lepak dikatakan sebagai *hangout* di kawasan-kawasan tertentu dan melibatkan masa yang agak lama, biasanya melebihi 2 atau 3 jam tanpa tujuan-tujuan tertentu (Oldenberg & Brissett, 1980). Di Britain remaja akan menghabiskan masa berjam-jam di *food court* bergosip sambil minum dan ada di kalangan mereka yang *hangout* senantiasa mundur-mandir dengan menggunakan masa berjam-jam lamanya (Anthony, 1985). Di Malaysia, lepak merupakan satu aktiviti menghabiskan masa di tempat awam seperti di kompleks membeli-belah, perhentian bas, teksi dan keretapi dan di taman-taman bunga tanpa memberi sebarang faedah (Samsudin A. Rahim & Iran Herman, 1993).

Kajian awal budaya lepak di kalangan remaja yang dijalankan di sekitar Kuala Lumpur mendapati salah satu sebab ialah tarikan yang terdapat di kompleks membeli belah yang menyediakan hiburan dan keselesaan. Faktor penyebab yang lain sebagai faktor penolakan ialah keadaan rumah dan persekitarannya, keluarga, sikap dan nilai remaja dan keluarga dan nilai kerohanian (Samsudin A. Rahim & Iran Herman, 1993).

Remaja memilih untuk melepak sebagai satu *escapism* untuk lari dari tekanan, kegagalan dan kebosanan hidup terutama di kalangan remaja dari keluarga sosio ekonomi rendah. Perkara ini jelas apabila didapati remaja yang menganggap dirinya berprestasi rendah lebih banyak menghabiskan masa melepak berbanding dengan remaja yang menganggap dirinya berprestasi cemerlang (Iran Herman, 1995). Ahmad Nurulazam dan Mustapa Kassim (1994) mendapati fenomena lepak berkait dengan penagihan dadah, kesalahan juvana, berjudi dan minuman keras.

Selepas sepuluh tahun kajian Samsudin A. Rahim dan Iran Herman (1993), Rafidah Md Khamin (2003) telah membuat kajian replikasi dan mendapati dapatan yang sama di kalangan remaja Melayu di Wilayah Persekutuan. Mereka bertingkah laku demikian disebabkan oleh bentuk kawalan ibubapa, mereka hidup bebas dan tidak didedahkan dengan sebarang nilai. Ibu bapa tidak lagi berperanan sebagai pengawal sosial dan pembentuk peribadi anak, kesibukan keluarga dan kurang kasih sayang.

Kajian Kementerian Pendidikan (1992 dalam Rafidah Md Khamin, 2003) mendapati remaja yang melanggar disiplin sekolah kerana faktor sekolah dan sistem pendidikan yang tidak memberangsangkan dan mata pelajaran dikatakan membebankan dan terlalu padat. Ia menyumbang kepada tindakan keluar dari kawasan sekolah dan mengisi masa mereka dengan berjalan-jalan di kompleks membeli-belah, pasaraya dan terminal bas. Lepak juga disebabkan kegagalan institusi keluarga mengawal tindakan anak-anak kerana anak-anak terpaksa menguruskan kehidupan sendiri disebabkan ibu bapa sibuk bekerja (Bishan Singh, 1993).

Laporan laman web Agenda Malaysia bertarikh 15 Ogos 2001 menyatakan syarikat pemantau internet iaitu Net Value mendapati 41.2 peratus daripada 9411 laman web yang dilayari oleh pengguna-pengguna internet di Britain adalah terdiri daripada laman web lucu. Dianggarkan kira-kira 3.6 juta daripada 10 juta pengguna internet di negara itu, dikesan sering melayari laman-laman web lucu dengan menghabiskan masa selama 45 minit dalam masa seminggu. Kajian itu turut mendapati 20 peratus pelanggannya terdiri daripada golongan pelajar dan remaja.

Di Britain, purata masa yang dihabiskan untuk melawat laman tersebut adalah 28 minit dan bagi pengunjung yang berusia 17 tahun yang melawat laman-laman perjudian dengan purata masa 11 minit. Sehubungan itu, kerajaan Britain telah mewujudkan satu unit yang dipanggil

*Internet Force* untuk melindungi dan menangani ancaman-ancaman dari internet ke atas kanak-kanak.

Isu lepak siber di kalangan remaja turut dibangkitkan oleh pihak California yang sedang berusaha untuk mengurangkan keganasan yang berlaku di kafe siber. Sebilangan remaja yang mengunjungi kafe siber lebih berminat untuk bermain sejenis permainan yang dipanggil *counter strike*. Kesan daripada permainan tersebut menyebabkan pergaduhan dan pembunuhan berlaku di kalangan remaja, ini adalah kerana aksi-aksi ganas yang ditonjolkan telah mempengaruhi minda mereka dan menyebabkan mereka bertindak di luar kawalan.

Masalah lepak juga menjadi pemangkin kepada suburnya pelbagai penyakit sosial yang kita hadapi sekarang di merata tempat dari bandar-bandar besar ke kawasan kampung dan Felda.. Statistik memperlihatkan jumlah golongan muda yang terjebak dalam kancah sosial dari tahun ke tahun meningkat seperti kes buang bayi (1.13 peratus), menonton bahan lucah (40 peratus), judi 16 peratus, merokok 70 peratus, penyalahgunaan dadah 14 peratus, minuman keras 25 peratus dan seks bebas peratus (Utusan Malaysia, 23 Julai 2003)

Terdapat banyak faktor yang menyebabkan remaja suka melepak dan membuang masa bersama rakan-rakan di kafe siber berbanding dengan pusat membeli-belah. Suasana dingin serta alunan muzik di kafe siber menarik ramai remaja berkunjung ke kafe siber terutamanya remaja lelaki yang mempunyai banyak masa yang terluang. Mereka menghilangkan kebosanan dan kesunyian dengan mengalihkan tumpuan dari peti televisyen kepada skrin komputer. Golongan yang berada di alam percintaan mereka berchit chat dan malahan ramai yang mencari pasangan melalui internet di kafe siber.

## **METOD KAJIAN**

### **Subjek dan Tempat Kajian**

Kajian ini telah menemubual seramai 102 orang responden remaja yang dipilih secara bertujuan di kafe siber di sekitar pekan Changlun, Jitra dan Bandaraya Alor Setar yang datang secara bersendirian atau pun bersama teman. Responden terlibat dengan aktiviti-aktiviti berbual-bual secara rancak bersama rakan-rakan, bermain permainan di internet, mendengar lagu-lagu secara *online*, menggunakan ruangan sembang *chat room* dan melayari laman web tanpa tujuan yang berfaedah.

### **Pengumpulan Data**

Data dikumpul menggunakan set soalselidik pada pertengahan bulan Januari 2004 bermula daripada jam 12.00 tengahari hingga 10.00 malam. Soalselidik merangkumi maklumat demografi, tingkah laku lepak dan sikap, hubungan kekeluargaan, faktor rakan sebaya, persekitaran dan tingkah laku devian. Tingkah laku lepak misalnya diukur berdasarkan jangkamasa dan kekerapan melepak, teman melepak, aktiviti yang dilakukan, laman web yang dilayari dan bahan bacaan yang digemari.

Hubungan kekeluargaan, sikap dan faktor rakan sebaya diukur dengan beberapa kenyataan yang menggunakan format jawapan skala Likert (Likert, 1932) lima pilihan daripada sangat tidak setuju kepada sangat setuju. Tingkah laku devian diukur dengan senarai semakan dan responden diminta menandakan dengan jawapan YA atau TIDAK. Jangka masa temubual atau mengisi soalselidik di antara 20 – 30 minit.

### **Kebolehpercayaan Alat Ukuran**

Kebolehpercayaan ketekalan dalaman soalselidik diuji dengan formula alfa bagi format jawapan skala Likert (Cronbach, 1951) dan KR20 (Kuder & Richardson, 1937) bagi pilihan

jawapan YA atau TIDAK. Pekali kebolehpercayaan ketekalan dalaman secara keseluruhan bagi alat ukuran hubungan kekeluargaan adalah sederhana tinggi (.73), tetapi bagi ukuran sikap (.44), ukuran rakan sebaya (.39). Bagi ukuran tingkah laku devian nilai KR20 adalah sederhana tinggi (.77).

## KEPUTUSAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Latar Belakang Responden

Majoriti remaja yang melepak adalah Melayu iaitu 95 orang (93.1%), sebanyak 5 orang (4.9%) Cina dan dua orang (2 %) India. Remaja perempuan lebih ramai iaitu 54 peratus (N = 55) berbanding 46 peratus (N = 47) remaja lelaki. Latar diri responden ditunjukkan seperti dalam Jadual 1.

**Jadual 1**  
**Taburan Latar Belakang Diri Responden**

Kategori		Lelaki (%)	Perempuan (%)	Jumlah
Umur	12 – 15 tahun	3 7(2.9)	5 (4.9)	8 (7.8)
	16 – 18 tahun	16 (15.8)	11 (10.8)	27 (26.6)
	19 – 21 tahun	18 (17.6)	31 (30.4)	49 (48.0)
	22 – 25 tahun	10 (9.8)	8 (7.8)	18 (17.6)
	Min Umur: 19.4 tahun Sisihan Piawai: 2.4			
Tahap Pendidikan	SRP/PMR	5 (4.9)	4 (3.9)	9 (8.8)
	SPM	21 (20.6)	22 (21.6)	43 (42.2)
	STPM	2 (2.0)	5 (4.9)	7 (6.9)
	SIJIL/MLVK	8 (7.8)	15 (14.7)	23 (22.5)
	Diploma	10 (9.8)	4 (3.9)	14 (13.7)
	Ijazah	1 (1.0)	5 (4.9)	6 (5.9)
Pekerjaan	Kakitangan Kerajaan	7 (6.8)	2 (2.0)	9 (8.8)
	Kakitangan Swasta	3 (2.9)	1 (1.0)	4 (3.9)
	Kerja Sambilan	4 (4.0)	10 (9.8)	14 (13.8)
	Pelajar	20 (19.6)	31 (30.4)	51 (50.0)
	Menganggur	13 (12.7)	11 (10.8)	24 (23.5)
Tempat Tinggal	Bandar	12 (11.8)	14 (13.7)	26 (25.5)
	Pinggir Bandar	27 (26.5)	29 (28.4)	56 (54.9)
	Felda/Felcra	2 (2.0)	0 (0.0)	2 (2.0)
	Perkampungan Sawah			
	Padi	6 (5.9)	12 (11.8)	18 (17.6)

Bilangan Adik Beradik	1 - 3 orang			37 (36.2)
	4 - 6 orang			55 (53.9)
	7 - 9 orang			8 (7.9)
	10 - 12 orang			2 (2.0)

### **Umur, Kelulusan, Pekerjaan dan Tempat Tinggal**

Majoriti remaja yang melepak berusia di antara 19 hingga 21 tahun (48.0%) dan purata umur 19.4 tahun. Sebanyak 42.2 peratus berkelulusan SPM, 22.5 peratus Sijil/MLVK, 13.7 peratus Diploma, 8.8 peratus SRP/PMR, 6.9 peratus STPM dan 5.9 peratus mempunyai Ijazah. Sebanyak 50 peratus adalah pelajar, manakala 26.4 peratus sudah bekerja dan 23.4 peratus menganggur. Kebanyakan premis kafe siber berdekatan dengan sekolah dan pelajar mengunjunginya selepas waktu persekolahan.

Kajian mendapati seramai 43 orang responden menghabiskan masa dari jam 1.00 hingga 6.00 petang pada hari biasa. Pada hujung minggu 59 orang remaja berada di kafe siber dari jam 1.00 petang hingga 8.00 malam kerana terdapat kafe siber yang hanya beroperasi sehingga 8.00 malam.

Majoriti remaja yang melepak di kafe siber tinggal di kawasan pinggir bandar (54.9%), manakala 25.5 peratus tinggal di bandar, 17.6 peratus di perkampungan sawah padi dan 2.0 peratus tinggal di Felda. Kajian ini selari dengan kajian Iran Herman (1995) di kalangan remaja luar bandar. Sekarang ini banyak pusat hiburan yang dibuka termasuk kafe siber dapat menarik perhatian remaja dan pastinya mereka tidak akan melepaskan peluang untuk mengejar keseronokan. Oleh kerana itu pada peringkat umur 19 hingga 21 yang paling ramai melepak (48.0 peratus). Kajian seluruh negara (Samsuddin A. Rahim & Iran Herman, 1994) mendapati remaja yang berumur 16 hingga 18 tahun yang paling ramai melepak (36.9%).

### **Latar Belakang Keluarga**

Majoriti remaja yang melepak mempunyai adik beradik yang agak ramai iaitu 4 hingga 9 orang (61.8). Sebanyak 85.3 peratus tinggal bersama ibu bapa dan keluarga dan sebilangan kecil yang kematian ibu dan bapa atau mempunyai ibu tiri atau pun tinggal dengan ahli keluarga yang lain seperti abang atau kakak.

Kajian ini turut mengkaji latar belakang keluarga dari segi kelulusan, pekerjaan dan pendapatan (Jadual 2).

**Jadual 2**  
**Latar Belakang Keluarga**

Kategori		Bapa (%)	Ibu (%)
Tahap Pendidikan	Tidak bersekolah	1 (1.0)	1 (1.0)
	Darjah 6	10 (9.8)	12 (11.7)
	SRP/LCE	8 (7.8)	10 (9.8)
	SPM/GCE	51 (50.0)	48 (47.1)
	STPM	2 (2.0)	2 (2.0)
	Diploma	2 (2.0)	2 (2.0)
	Sarjana Muda	4 (3.9)	3 (2.9)
	Sarjana	2 (2.0)	1 (1.0)
	Tidak tahu	22 (21.5)	23 (22.5)
Jenis Pekerjaan	Kakitangan Kerajaan	31 (30.4)	17 (16.7)
	Kakitangan Swasta	4 (3.9)	1 (1.0)
	Petani/Pesawah	17 (16.7)	1 (1.0)
	Peneroka	2 (2.0)	1 (1.0)
	Mekanik	3 (2.9)	0 (0.0)
	Ahli Perniagaan	2 (2.0)	0 (0.0)
	Pemandu	5 (4.9)	0 (0.0)
	Kontraktor	1 (1.0)	0 (0.0)
	Peniaga	5 (4.9)	4 (3.9)
	Buruh	7 (6.9)	0 (0.0)
	Pesara	9 (8.8)	3 (2.9)
	Suri rumah	0 (0.0)	55 (53.9)
	Lain-lain	16 (15.7)	20 (19.6)
Pendapatan			Bapa dan Ibu
	Kurang dari RM350		13 (12.7)
	RM351 – RM700		26 (25.4)
	RM701 – RM1050		13 (12.7)
	RM1051 – RM1400		4 (4.0)
	RM1401 – RM1750		6 (5.8)
	Lebih dari RM1751		35 (34.3)
Tidak dinyatakan		5 (4.9)	
	Min Pendapatan: RM1, 663.23		
	Sisihan Piawai: RM 1,754.61		

Ramai juga remaja yang melepak tidak tahu dan tidak pasti tahap pendidikan ibu bapa mereka iaitu lebih kurang 22.0 peratus. Ini menunjukkan mereka mempunyai sikap tidak prihatin dengan pendidikan ibu bapa mereka. Terdapat juga ibu bapa remaja yang melepak mempunyai kelulusan hingga ke peringkat Diploma (2.0%), Ijazah Pertama (3.9%) dan Sarjana (2.0%) dan hanya 1.0 peratus yang tidak bersekolah. Sebanyak 30.4 peratus bapanya adalah kakitangan kerajaan. Purata pendapatan keluarga ialah RM1,663.23. Namun demikian sebanyak 40.1 peratus berpendapatan kurang RM700 dan tinggal di pinggir bandar dan perkampungan sawah padi. Ini menunjukkan kebanyakan keluarga remaja yang melepak berada di atas paras kemiskinan. Terdapat 4.9 peratus remaja enggan menyatakan pendapatan keluarga mereka.

## Jangkamasa Melepak

Jangka masa melepak dalam sehari dikaji dalam tiga situasi seperti yang pernah dikaji oleh pengklaji lepas (Samsudin A. Rahim & Iran Herman, 1995) iaitu (1) lepak di kafe siber, (2) melepak di tempat lain sebelum datang ke kafe siber; dan (3) masa yang dicadangkan untuk melepak di tempat lain.

Purata masa remaja yang melepak ialah 2.2 jam. Terdapat 9.8 peratus melepak lebih dari 6 jam sehari. Bagi situasi kedua pula, purata melepak ialah 3.7 jam dan sebanyak 42.2 peratus melepak lebih dari 6 jam. Keputusan mengikut 3 situasi ditunjuk dalam Jadual 3.

**Jadual 3**  
**Jumlah Masa Melepak**

Jangkamasa Melepak	*Situasi 1 (%)	*Situasi 2 (%)	*Situasi 3 (%)
Kurang dari 1 jam	51 (50.0)	16 (15.6)	70 (68.6)
1 hingga 2 jam	23 (22.5)	30 (29.4)	22 (21.6)
2 hingga 3 jam	12 (11.8)	9 (8.8)	3 (2.9)
4 hingga 5 jam	4 (3.9)	2 (2.0)	1 (1.0)
5 hingga 6 jam	2 (2.0)	2 (2.0)	0 0
Lebih dari 6 jam	10 (9.8)	43 (42.2)	6 (5.9)
<b>Jumlah</b>	102 (100.0)	102 (100.0)	102 (100.0)
<b>Min</b>	2.2 jam	3.7 jam	1.6 jam

\* Situasi 1: Sewaktu tingkah laku lepak berlaku di tempat kajian

\* Situasi 2: Masa sebelum responden datang ke tempat kajian


\* Situasi 3: Masa yang dicadangkan untuk melepak di tempat lain

## Kekerapan dan Saiz Lepak

Remaja yang tinggal di kawasan pinggir bandar lebih kerap melepak berbanding remaja yang tinggal di kawasan-kawasan lain. Sebanyak 15.7 peratus yang melepak setiap hari, 2.9 peratus melepak 6 hari seminggu dan 6.9 peratus melepak 5 hari seminggu.

Saiz lepak pula dikira berdasarkan masa melepak sehari dan kekerapan melepak dalam seminggu. Secara kumulatif ia dikira di tiga tempat sehari dan dikalikan dengan kekerapan melepak seminggu (saiz lepak = jangkamasa sehari x kekerapan melepak seminggu). Purata masa yang dihabiskan secara kumulatif ialah 23.6 jam seminggu. Dapatan ini agak berbeza dengan kajian Iran Herman (1995) yang menunjukkan masa yang dihabiskan oleh remaja untuk melepak iaitu 22.4 jam seminggu. Ini menunjukkan saiz lepak kali ini lebih besar dai yang diperolehi 10 tahun dahulu. Saiz lepak remaja lelaki lebih rendah sedikit (23 jam seminggu) berbanding dengan remaja perempuan iaitu 24.1 jam seminggu.





Rajah 1: Kekerapan Melepak

Jadual 4  
Saiz Lepak Berdasarkan Latar Diri Responden

Kategori		Saiz Lepak Sehari	Saiz Lepak Seminggu
Jantina	Lelaki	7.6 jam	23.0 jam
	Perempuan	7.3 jam	24.1 jam
Umur	12 – 15 tahun	5.5 jam	12.8 jam
	16 – 18 tahun	6.4 jam	21.3 jam
	19 – 21 tahun	8.3 jam	27.1 jam
	22 – 25 tahun	7.4 jam	22.0 jam
Pekerjaan	Pekerja	8.3 jam	38.6 jam
	Pelajar	6.5 jam	17.9 jam
	Tidak Bekerja	8.6 jam	18.7 jam
Kawasan Tempat Tinggal	Bandar	6.1 jam	16.3 jam
	Pinggir Bandar	8.0 jam	26.1 jam
	Felda	10.5 jam	21.0 jam
	Perkampungan Sawah	7.3 jam	26.3 jam
	Padi		

## Aktiviti Lepak

Pelbagai aktiviti dilakukan oleh remaja yang melepak di kafe siber. Majoritinya menghabiskan masa dengan melayari laman web berkaitan artis dan dunia hiburan (27.5%), manakala 20.6 peratus sembang secara *online* iaitu *chatting* dan 14.7 peratus bermain permainan di internet. Terdapat 13.7 peratus yang menggunakan kafe siber sebagai tempat untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan pekerjaan dan pelajaran dan sebanyak 9.8 peratus mengunjungi premis kerana menemani rakan mereka.

Peratus yang membuka laman email hanya 8.8 peratus dan sebilangan kecil (3.9%) yang menyiapkan tugas dan kerja sekolah yang diberi oleh guru mereka. Sebanyak satu peratus mendengar lagu secara *online*.

**Jadual 5**  
**Aktiviti Lepak Mengikut Jantina**

Aktiviti	Lelaki (%)	Perempuan (%)	Jumlah
Layari laman artis dan dunia hiburan	13 (12.7)	15 (14.7)	28 (27.5)
<i>Chatting</i>	9 (8.8)	12 (11.8)	21 (20.6)
<i>Games</i>	15 (14.7)	0 (0.0)	15 (14.7)
Mencari maklumat terkini (peluang kerja dan sambung belajar)	2 (2.0)	12 (11.8)	14 (13.7)
Mengisi masa lapang dan menemani rakan	5 (4.9)	5 (4.9)	10 (9.8)
Membuka laman email	2 (2.0)	7 (6.9)	9 (8.8)
Tugas dan kerja sekolah	0 (0.0)	4 (3.9)	4 (3.9)
Mendengar lagu <i>online</i>	1 (1.0)	0 (0.0)	1 (1.0)
<b>Jumlah</b>	47 (46.1)	55 (53.9)	102 (100.0)

Laman yang layari, kebanyakannya ialah laman web *Yahoo* (52.9%), manakala 18.6 peratus melayari laman web *ekawan* iaitu satu laman web berkaitan rakan siber dan 6.9 peratus menggunakan laman web berkaitan permainan di internet, 5.9 peratus laman web *Hotmail* untuk menghantar dan membalas email mereka. Bagi remaja yang prihatin terhadap kerjayaya, sebanyak 2.9 peratus menggunakan laman web *Jobstreet.com* selain dari *Yahoo*. Dapatan ini agak berbeza dengan apa yang ditunjukkan oleh Rozmi Ismail (2002) yang mendapati laman lucah di internet menjadi minat pelajar dan dikatakan bagi melepaskan tekanan belajar dan mendapatkan hiburan di waktu lapang terutama yang dipengaruhi oleh ajakan kawan.

**Jadual 6**  
**Laman Web Yang Sering Dilayari**

Laman Web	Lelaki (%)	Perempuan (%)	Jumlah
Yahoo	18 (17.6)	36 (35.3)	54 (52.9)
ekawan.com	10 (9.8)	9 (8.8)	19 (18.6)
Gamespot.com	6 (5.9)	1 (1.0)	7 (6.9)
Hotmail	3 (2.9)	3 (2.9)	6 (5.9)
Jobstreet.com	1 (1.0)	2 (2.0)	3 (2.9)
MIRC/Alamak	1 (1.0)	1 (1.0)	2 (2.0)
Mesra.net	1 (1.0)	1 (1.0)	2 (2.0)
Msn.com	2 (2.0)	0 (0.0)	2 (2.0)
Internationalmusic.com	2 (2.0)	0 (0.0)	2 (2.0)
Era.fm	0 (0.0)	1 (1.0)	1 (1.0)
Portal Pendidikan	0 (0.0)	1 (1.0)	1 (1.0)
Utusan.com	1 (1.0)	0 (0.0)	1 (1.0)
Hijau Kuning.com	1 (1.0)	0 (0.0)	1 (1.0)
Linux	1 (1.0)	0 (0.0)	1 (1.0)
<b>Jumlah</b>	47 (46.1)	55 (53.9)	102 (100.0)

### Tingkah Laku Devian

Gejala melepak sering dikaitkan dengan tingkah laku devian dan masalah sosial. Teknik *peer nomination* yang pernah digunakan oleh Iran Herman (1995) telah digunakan untuk memancing gagasan ini. Kebanyakan remaja melepak terlibat dengan merokok (45.1%) dan diikuti dengan perjudian (15.7%), menonton dan melihat bahan-bahan lucu (12.7%). Di samping itu 9.8 peratus terlibat dengan penagihan dadah, 6.9 peratus minuman keras, mencuri dan terlibat dengan seks sebelum berkahwin (6.9%). Sebanyak 20.6 peratus merokok di antara 1 hingga 12 batang sehari dan 3.9 peratus merokok 20 batang sehari.

Tempoh penggunaan internet memberi kesan kepada tingkah laku seksual (Cooper, 1999) Kajian beliau membuktikan bahawa tingkah laku devian remaja yang melepak di kafe siber salah satunya berpunca dari kekerapan menonton filem lucu dan juga membaca bahan lucu.

**Jadual 7**  
**Tingkah Laku Devian**

<b>Tingkah Laku Devian</b>	<b>Lelaki (%)</b>	<b>Perempuan (%)</b>	<b>Jumlah</b>
Merokok	35 (34.3)	11 (10.8)	46 (45.1)
Mengambil dadah	9 (8.8)	1 (1.0)	10 (9.8)
Minum minuman keras	6 (5.9)	1 (1.0)	7 (6.9)
Mencuri	5 (4.9)	7 (6.9)	7 (6.9)
Menonton filem lucah	12 (11.8)	1 (1.0)	13 (12.7)
Melihat majalah lucah	11 (10.8)	13 (12.7)	13 (12.7)
Mengadakan seks sebelum berkahwin	5 (4.9)	2 (2.0)	7 (6.9)
Berjudi	13 (12.7)	3 (2.9)	16 (15.7)
Lain-lain	3 (2.9)	2 (2.0)	5 (4.9)

Kajian turut mengenalpasti sama ada remaja yang melepak mempunyai lesen memandu dan pernah melanggar kesalahan lalulintas yang lain. Sebanyak 52.0 peratus tidak mempunyai lesen memandu dan 11.8 peratus pernah disaman sekali, manakala 11.8 peratus pernah disaman dua hingga tiga kali dan satu peratus pernah disaman sehingga sepuluh kali.

Suatu yang menyedihkan berlaku di kalangan remaja Islam yang melepak kerana sebanyak 75.5 meninggalkan sembahyang. Malahan sebanyak 5.9 peratus mengatakan selalu meninggalkan sembahyang lima waktu.

**Jadual 8**  
**Taburan Responden Meninggalkan Sembahyang**

<b>Kekerapan Meninggalkan Sembahyang</b>	<b>Lelaki (%)</b>	<b>Perempuan (%)</b>	<b>Jumlah</b>
Tidak pernah	4 (3.9)	8 (7.8)	12 (11.7)
Selalu	5 (4.9)	1 (1.0)	6 (5.9)
Kadang-kadang	34 (33.3)	43 (42.2)	77 (75.5)

## Pengaruh Faktor Kekeluargaan, Sikap dan Rakan Sebaya

Kajian ini telah mengenalpasti aspek kekeluargaan, faktor sikap, pengaruh rakan sebaya, yang diandaikan mempengaruhi tingkah laku lepak. Min pemberat dan pekali korelasi faktor tersebut dengan tingkah laku lepak ditunjukkan dalam Jadual 9. Faktor kekeluargaan mempunyai min pemberat yang tertinggi (4.12) dan korelasinya dengan tingkah laku lepak adalah signifikan ( $r = -.22, p < .05$ ). Korelasi negatif menunjukkan remaja yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang longgar dan rendah akan terlibat dengan tingkah laku lepak berbanding dengan remaja yang hubungan kekeluargaannya tinggi Keputusan ini selari dengan kajian sebelumnya (Samsudin A Rahim & Iran Herman, 1994; Iran Herman, 1995; Ahmad Nurulazam & Mustapha Kassim, 1994). Iran Herman (1995) contohnya menegaskan bahawa faktor yang dapat dikategorikan sebagai menolak remaja untuk bertingkah laku lepak adalah sikap keluarga yang tidak peka dan tidak melarang anak remajanya berbuat demikian.

**Jadual 9**  
**Pengaruh Faktor Kekeluargaan, Sikap, Rakan Sebaya**  
**Dengan Tingkah Laku Lepak**

<b>Faktor</b>	<b>Min Pemberat</b>	<b>Korelasi DenganTingkah Laku Lepak</b>
Aspek kekeluargaan	4.12	-.22*
Sikap	3.19	-.23*
Rakan sebaya	3.74	-.20*

\*  $p < 0.05$

Remaja yang mempunyai sikap yang rendah terhadap diri mereka bertendensi untuk lebih terlibat dengan tingkah laku lepak. Oleh kerana itu korelasi di antara sikap dan tingkah laku lepak juga negatif dan signifikan ( $r = -.23, p < .05$ ). Begitu juga di kalangan mereka yang mempunyai hubungan yang tidak baik dengan rakan sebaya, mereka ( $r = -.20, p < .05$ ). Hasil kajian ini sama seperti yang oleh Yahaya Ibrahim dan Mohd Zaki (2002). Remaja paling mudah terpengaruh dengan rakan sebaya, malahan mereka lebih mempercayai rakan daripada ibu bapanya sendiri.

## CADANGAN

Untuk menangani fenomena lepak dan tingkahlaku yang negatif yang berkait dengannya, beberapa cadangan berikut perlu diberi perhatian oleh pihak-pihak tertentu.

1. Pihak berkuasa perlu senantiasa membuat pemantauan, penilaian dan pemeriksaan ke atas permis-permis perniagaan seperti kafe siber supaya pengusaha tidak menyalahgunakan permit yang dikeluarkan selaras dengan undang-undang dan peraturan laman agar terhalang dari tersebarnya laman web lucu, pemesanan bahan-bahan pronografi dan minuman keras serta menyiarkan nama teman wanita untuk tujuan seks dan sebagainya.

2. Pengawasan terhadap kemudahan permainan di internet seperti *Half Life*, *Counter Strike*, *Warcraft III* dan *Ragnarok Online* yang meleakakan kanak-kanak dan remaja awal dengan permainan ini hingga boleh menyebabkan lebih agresif akibat unsur-unsur keganasan yang ditonjolkan di dalam permainan tersebut.
3. Pengusaha kafe siber mestilah bertanggung jawab bukan hanya mementingkan keuntungan semata-mata tetapi sama-sama membendung gejala lepak di kalangan remaja. Mereka perlu menyediakan ruang untuk merangsang pembangunan minda pengguna internet seperti sudut bacaan dan bahan-bahan ilmiah. Di samping itu kedudukan ruang yang tersorok dan suram perlu diubah kepada yang bentuk terbuka dan merangsang pembelajaran.
4. Pihak sekolah perlu menyediakan program dan aktiviti ko kurikulum yang boleh menarik pelajar untuk datang ke sekolah seperti program motivasi, lawatan sambil belajar, kelas komputer dan tuisyen, kembara dan sebagainya. Pelajar digalakkan untuk turut serta dan merasakan aktiviti dan sekolah adalah hak mereka, di samping menanamkan secara berterusan sifat cintakan sekolah.
5. Ibu bapa perlu memainkan peranan penting mengawal tingkah laku anak. Mereka mesti prihatin tentang masalah sosial yang dihadapi oleh golongan remaja kini. Pengawasan perlu dibuat terhadap teman sebaya anak, ke mana mereka pergi dan apa tujuannya. Ibu bapa tidak seharusnya bersifat terlalu pesimistik dan *lessie-faire*.
6. Pihak organisasi pekerjaan perlu ada inisiatif membentuk dan menghasilkan pekerja yang bermutu dan berkualiti dan tahu menghargai masa di samping menjaga kebajikan pekerja. Mereka perlu mengadakan aktiviti dan program sayangkan organisasi dan menyumbang kepada organisasi di samping program berbentuk kemasyarakatan dan mengeratkan hubungan di antara pekerja seperti Program seperti Hari Keluarga.
7. Masyarakat setempat perlu peka dan prihatin terhadap kegiatan yang dijalankan oleh golongan remaja dan berusaha sama-sama mencegah tingkah laku yang kurang sihat. Tempat-tempat rekreasi dan kemudahan perlu ditambah melalui semangat kerjasama khidmat masyarakat. Program pembimbing rakan sebaya, semangat kejiranan dan nilai-nilai murni yang bertunjangkan agama perlu diterapkan kepada seluruh anggota masyarakat khususnya di kalangan remaja dan belia.

## **KESIMPULAN**

Paparan fenomena remaja lepak dan kafe siber yang dibentangkan ini muga-muga akan terus mengingatkan kita akan rasa tanggungjawab yang tidak boleh diabaikan oleh semua anggota masyarakat tidak kira di peringkat mana kita berada. Telah banyak kajian yang dibentangkan dan jelas membuktikan bahawa persekitaran banyak mencorakkan tingkah laku dan manusia khususnya golongan muda. Justeru itu pembersihan persekitaran untuk mewujudkan tingkah laku dan manusia yang murni dengan nilai-nilai sejagat yang bertunjangkan agama perlu menjadi tindakan prioriti terutamanya terhadap di kafe siber yang mencemarkan. Perisian dan aktiviti di dalamnya juga adalah sebahagian persekitaran yang perlu mendapat perhatian untuk tindakan, di samping program dan strategi berkesan yang telah banyak dicadangkan amat wajar dijalankan segera secara berterusan agar golongan remaja dan belia

negara ini dapat memartabatkan dirinya sebagai pewaris generasi masa depan yang bertanggungjawab.

## **BIBLIOGRAFI**

Ahmad Nurulazam dan Mustapa Kassim. (1994). *Lepak di kalangan pelajar-kajian di negeri Perak dan Pulau Pinang*. Prosiding Seminar Kebangsaan Gejala Sosial 1995. Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia.

Anastasi, A. (1984). *Psychological testing* (6<sup>th</sup>. Ed.). New York: Mc Millan Publishing Company.

Anis. (2000). Penggunaan kafe siber oleh remaja. <http://www.bijak.net.my>

Anthony, K.H. (1985). The shopping mall a teenage hangout. *Adolescence*, 10, 307-312.

Arena Che Kasim dan Hadariah Ahmad. (2002). *Masalah sosial penyebab perlakuan jenayah di kalangan remaja*. Prosiding Seminar Kebangsaan Kerja Sosial 2002, Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia.

Aries, E. (2001). *Adolescent behaviour*. New York: Mc Graw Hill/Dushkin.

Asmah Bee Mohd Nor dan Iran Herman. (1995). *Membina kesejahteraan remaja*. Kajang: Teknoedar.

Asmah Bee Mohd Nor dan Iran Herman. (1995). *Jurang generasi dan hubungannya dengan penghargaan sendiri remaja*. Prosiding Seminar Kerja Sosial 1995, Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia.

Bandura, A. (1975). *Psychology in the school clinical*. Psychological Publishing.

Bishan Singh (1993). Development of youth culture. *The Sun*, 17, August, 1993.

California (2000). Attempts to defuse cyber cafe violence. <http://www.USATODAY.com>

Cronbach, L.J. (1951). Coefficient alpha and the internal structure of tests. *Psychometrika*, 16, 297-334.

Dew, D. (1995). *The troubles teen face*. The Covington News.

Eshlemen, J. R. (1994). *The family: An introduction* (7<sup>th</sup>. Ed.). Boston: Allyn dan Bacon.

Gelles, R. J., & Lavine, A. (1999). *Sociology* (6<sup>th</sup>. Ed.). Boston: Mc Graw Hill.

Harian Metro (2002). Kafe siber arak. <http://www.bijak.net.my>

Ho Fuei Tien, Mazni dan Roslee. (2000). *Hubungan faktor ibu bapa, faktor sekolah dan faktor rakan sebaya dengan perlakuan devian di kalangan remaja: Satu kajian awal di Kota Kinabalu Sabah*. Prosiding Seminar Kebangsaan Kerja Sosial 2002, Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia.

Hunter, E. (2001). *Adolescent attraction to cults*. Dalam Meehan, A. M. dan Astor-Steson, E. (3<sup>rd</sup>. Ed.). *Adolescent Psychology*. 222-225). New York: Mc Graw Hill/Dushkin.

- Iran Herman. (1995). *Tingkah laku lepak di kalangan remaja luar bandar*. Kajang: True Times Sdn. Bhd.
- Iran Herman (1995). *Tingkah laku lepak remaja luar bandar: Strategi menangani masalah*. Dalam Prosiding Seminar Kebangsaan Gejala Sosial 1995, Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia.
- Ismail Hashim (1998). Gejala Cyberbooze di internet. Utusan Malaysia (5 Februari, 1998). <http://www.bijak.net.my>
- <http://www.bijak.net.my> (2003). Kajiselidik: Kanak-kanak di Britain melayari internet untuk gambar lucu.
- Kuder, G.F. & Richardson, M.W.(1937).The theory of estimation of the test reliability. *Psychometrika*, 2, 151-160.
- Likert, R. (1932). A technique for the measurement of attitudes. *Archives of Psychology*, No. 140.
- Meehan, A. M., & Astor-Steson, E. (2001). *Adolescent psychology*. New York: Mc Graw Hill/Dushkin.
- Mohd Salleh Lebar (1990). *Memahami psikologi*. Kuala Lumpur: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Nasrudin Mohamed (2000). *Punca salahlaku remaja*. Utusan Malaysia, 12 Julai 2000.
- Oldenberg, R. & Brissett, D. (1980). The essential hangout. *Psychology Today*. April, 82-84.
- Rafidah Md Khamin (2003). *Hubungan pergaulan bebas, lepak, motivasi, dan penghargaan sendiri dengan prestasi akademik: Satu tinjauan di Universiti Utara Malaysia*. Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia.
- Rohana Yusof dan Syamsul Anuar Ismail. (2002). *Belia Malaysia dan seks siber: Isu, masalah dan cabaran penyelesaian*. Prosiding Seminar Kebangsaan Kerja Sosial 2002, Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia.
- Rosmah Dain (2003). *Usia muda cabaran paling hebat*. Utusan Malaysia, 23 Julai 2003.
- Sabitha Marican dan Mahmood Nazar Mohamed (1995). Pencemaran budaya remaja: Siapakah yang bertanggungjawab. *Jurnal Kebajikan*, 17 (1).
- Samsudin A. Rahim dan Iran Herman (1993). *Tingkah laku lepak di kalangan remaja: Kajian di Bandaraya Kuala Lumpur*. Laporan Akhir Kajian, Kementerian Belia Dan Sukan Malaysia.
- Samsudin A. Rahim dan Iran Herman. (1994). *Tingkah laku lepak di kalangan remaja: Kajian di Semenanjung Malaysia*. Laporan Akhir Kajian Kementerian Belia Dan Sukan Malaysia.
- Steinberg, L. (1996). *Adolescence* (4<sup>th</sup>. Ed). New York: Mc Graw Hill.
- Surasak Tumcharoen. (2000). Police shake down youth hangout. <http://www.ThailandLife.com>



Yahaya Ibrahim. (1994). *Remaja Felda: Gejala sosial dan migrasi*. Prosiding Seminar Kebangsaan Gejala Sosial 1995, Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia.

Yahaya Ibrahim dan Mohd Zaki Ibrahim. (2002). *Etiologi masalah sosial: Perspektif remaja*. Prosiding Seminar Kebangsaan Kerja Sosial 2002, Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia.